

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XII)19**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA  
YB. DATO' MUHAMAD YUSOFF BIN MOHD NOOR**

19. Adakah Kerajaan Negeri menetapkan syarat-syarat bagi memiliki saham dalam kuantiti yang besar di anak syarikat Kerajaan Negeri iaitu PBAPP Berhad? Jelaskan.
- (a) Setelah timbul kes rampasan dadah bernilai RM2.4 billion dan rampasan harta pemegang saham PBAPP Berhad, apakah tindakan diambil oleh Kerajaan Negeri?
  - (b) Huraikan kaedah PBAPP Berhad membersihkan imej ini.

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

19. Kerajaan Negeri tidak menetapkan apa-apa syarat bagi memiliki saham dalam kuantiti yang besar di dalam Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) Berhad.
- (a) Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk mengambil apa-apa tindakan lanjutan timbul kes terbabit. Pemegang saham yang terlibat dalam kes ini hanya pemegang saham terbesar kelima Perbadanan Bekalan Air Holdings Berhad (PBAHB) **dan bukanlah pemegang saham utama**. Pada 31.12.2019 individu ini hanya memegang 1.85% daripada jumlah pegangan saham PBAHB (6,127,600 saham biasa).  
  
Kerajaan Negeri ingin memaklum bahawa pemegang saham majority PBAHB pada 31.12.2019 adalah seperti berikut:

No.	Pemegang Saham	Peratusan (%) daripada jumlah pemegang saham	Nota
1.	Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	55	Juga memegang satu (1) saham emas
2.	Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang	10	
3.	Yayasan Bumiputra Bhd	4.1	
4.	<i>Credit Suisse</i>	1.96	

- (b) Kerajaan Negeri ingin menjelaskan bahawa pemegang saham yang terkait dengan kes ini **BUKAN** pengarah PBAHB atau mana-mana anak syarikatnya termasuk Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP). Beliau juga **TIDAK** diwakili dalam Lembaga PBAHB dan PBAPP malah **TIDAK** terlibat dengan pengurusan pengoperasian PBAHB atau PBAPP. Memandangkan perkara ini merupakan kes jenayah yang melibatkan pemegang saham biasa PBAPP, pengurusan tertinggi PBAPP bersetuju bahawa kes ini tidak memberi sebarang kesan terhadap kedudukan dan operasi syarikat-syarikat PBAHB termasuk imej PBAHB yang seringkali dikaitkan dengan imej korporat yang berjaya dalam mengendalikan pengurusan air di negeri ini.